

# BN Sarawak diarah serah laporan terperinci

KUALA LUMPUR 16 Jun - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengarahkan Barisan Nasional (BN) Sarawak mengemukakan laporan terperinci kepadanya berhubung prestasi BN pada pilihan raya negeri itu 20 Mei lalu.

Perdana Menteri yang juga Pengerusi BN berkata, laporan itu harus komprehensif dan telus tanpa menyembunyikan sebarang maklumat, termasuk punca BN kehilangan sembilan kerusi pada pilihan raya itu.

"Ia perlu supaya semua masalah yang dibangkitkan semasa pilihan raya itu, terutama melibatkan rakyat sehingga mereka tidak berpuas hati dengan BN dapat diberi perhatian dan diatasi segera," katanya.

Beliau menyatakan demikian kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Dewan Tertinggi BN, di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) hari ini.